


Dr Mastura Badzis →

bhnita@bharian.com



Hilang tumpuan

» Ibu risau anak tak minat belajar



Anda ada masalah dengan anak?

Kongsi masalah bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel bhnita@bharian.com.my atau melalui pos di alamat **Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.**

diri tidak akan dapat belajar untuk menghargai kemampuan intelektualnya dan dia akan sering berasa tidak puas hati terhadap hasil usaha yang dilakukannya serta sukar untuknya berbangga dengan apa juga yang dilakukan.

Apa yang paling membingungkan, si anak akan percaya bahawa dia tidak akan pernah cemerlang pada perkara apa pun. Dengan lain perkataan, pandangan atau penilaian seseorang terhadap diri si anak akan mempengaruhi pembentukan imej kendirinya.

Usah cemuh
Sekiranya dia dicemuh kerana tidak dapat melakukan sesuatu yang dikehendaki oleh ibu bapa atau guru dengan sempurna, maka pastinya dia akan menganggap dirinya seorang yang teruk, lemah, tidak berguna dan sebagainya bergantung kepada apa yang diperkatakan oleh orang dewasa tersebut tentang dirinya.

Apabila anak menunjukkan perubahan tidak minat terhadap pelajarannya, faktor yang menjadi punca kepada sikap tersebut perlu dikenal pasti.

Kanak-kanak yang tidak mendapat pengalaman pembelajaran yang positif semasa di sekolah mahupun di rumah berisiko tinggi untuk hilang minat terhadap pelajarannya.

Pengalaman pembelajaran yang negatif akan menghilangkan daya motivasi untuk belajar. Motivasi dalaman diri anak perlu juga dikenal pasti.

INFO

Tip bantu tingkat daya tumpuan anak di peringkat usia pertengahan:

- © Buat jadual rutin harian untuk belajar bersama-sama dengan anak, tapi bukan anda yang menentukannya.
- © Sediakan persekitaran kondusif untuk anak belajar; suasana yang tenang (Misalnya, bukan di depan televisyen), perabot yang sesuai (bukan belajar atas sofa dan sebagainya).
- © Tentukan masa yang diperlukan untuk menyiapkan se suatu aktiviti (letak jam di depannya). Ini bagi melatih anak berdisiplin, tetapi pastikan tidak melebihi sejam untuk satu-satu kerja bagi anak seusianya.
- © Pastikan sesuatu tugasan sesuai dengan umur dan tahap pemikirannya.

Ibu Prihatin: Anak sulung saya berusia 11 tahun sejak akhir-akhir ini tidak berminat untuk belajar. Untuk pengetahuan doktor, dia adalah lelaki dan apa yang membingungkan saya, dia bakal menduduki pemeriksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun depan. Terus terang, saya amat risau dengan perubahannya yang ketara ini. Apakah cara untuk memberi nasihat berkesan kepadanya? Apakah saya menjadi puncanya disebabkan terlalu tegas sehinggalah anak menjadi degil?

Kanak-kanak pada peringkat usia pertengahan iaitu dalam lingkungan umur 8 - 11 tahun, sebenarnya berada dalam satu lingkungan atau titik perkembangan tertentu.

Pada peringkat ini, tingkah laku mereka adalah dipengaruhi rasa ingin tahu yang bersifat intelek dan sejauh mana mereka boleh menunjukkan atau menonjolkan keupayaan yang ada dalam diri.

Potret diri
Perlu diingatkan, pembentukan imej sendiri atau 'potret diri' pada peringkat usia ini

sebenarnya berkembang ke peringkat yang lebih kompleks, global dan bersepadu, dan si anak boleh memahami lebih terperinci tentang aspek negatif dan positif diri mereka dalam sesuatu bidang perkembangan.

Kanak-kanak di peringkat usia ini sudah mula memahami dan mempelajari bagaimana untuk mendapatkan pengiktirafan dengan melakukan sesuatu yang mereka rasa akan menjadi kebanggaan ibu bapa atau gurunya.

Impak pujian, galakan
Jika anak di peringkat usia ini sering diberi galakan, pujian dan sokongan moral untuk melakukan atau membuat sesuatu perkara; atau diberi peluang menyelesaikan sesuatu tugasan dengan sempurna, maka pastinya dia ada keyakinan diri yang tinggi untuk mencuba sesuatu perkara dan akan menganggap dirinya insan hebat dan boleh diharapkan.

Namun sekiranya si anak sering menghadapi kegagalan pada setiap usaha yang mereka lakukan; atau mereka sering dicemuh, diherdik dan diancam atau dilayan sebagai seorang yang suka mengganggu atau menyusahkan orang lain nescaya rasa rendah diri akan membelenggu diri.

Nilai kesan sendiri
Anak yang berasa rendah

UDANI CARPETS
LOKASI DI CHOW KIT

JUALAN MEGA
BUKA HARI AHAD

DISKAUN SEHINGGA

70%



USA SHAGGY 6 X 8 = RM380

BELGIUM CARPET 6 X 8 = RM350

IRAN CARPET 10 X 13 = RM480

*TILAM, CADAR, PINGGAN MANGKUK, CARPET SEJADAH DAN LAIN-LAIN UNTUK DIHABISKAN.

NO. 393, JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN 50100 KUALA LUMPUR. (CHOW KIT)

BUKA SETIAP HARI DARI 9:30am - 6:30pm

03-2698 1962 • 03-2698 4257

www.udanicarpets.com.my

